

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Tuesday, 30 April, 2019 9:23 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Program Pementoran Integrasikan Keperluan Pegawai Dan Objektif Organisasi



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

30 APRIL 2019 / 24 SYAABAN 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Seksyen Media
Gambar oleh: Jabatan Pendaftar

PROGRAM PEMENTORAN INTEGRASIKAN KEPERLUAN PEGAWAI DAN OBJEKTIF ORGANISASI



UUM ONLINE: Bagi mengintegrasikan antara keperluan pegawai dan matlamat atau objektif organisasi, Jabatan Pendaftar telah melaksanakan Program Pementoran melibatkan pegawai Pengurusan dan Profesional serta staf lantikan baharu.

Pendaftar, Baharudin Yaacob berkata, pementoran dalam perkhidmatan awam merupakan pendekatan untuk memberi bimbingan, sokongan dan bantuan dengan menerapkan elemen psikologi dan kaunseling secara profesional yang diberikan mentor kepada mentee bertujuan meningkatkan pembangunan dan kompetensi profesional, budaya, peribadi dan sosial bagi pegawai lantikan baharu.

Menurutnya, proses adaptasi pembelajaran akan berlaku di sepanjang perhubungan pementoran yang mana kemahiran yang dimiliki mentor akan dipindahkan kepada mentee melalui proses perkongsian pengalaman.

Katanya, dalam konteks merealisasikan organisasi berpembelajaran, program pementoran mampu menjadi satu wadah kepada proses pembangunan diri dan organisasi itu sendiri.

"Program Pementoran adalah merupakan penggerak kepada pembangunan modal insan dalam pengurusan sumber manusia dan juga sebagai satu perkhidmatan sokongan ke arah mencapai matlamat universiti.

"Program ini menjurus kepada pemahaman bahawa pegawai adalah satu entiti yang berkembang, memerlukan bantuan dan bimbingan serta membolehkan pegawai berkongsi idea, melahirkan perasaan dan mendapatkan sokongan dalam menghadapi kehidupan seharian," katanya pada Majlis Pelantikan Mentor dan Penyerahan Menti di EDC Hotel, baru-baru ini.

Baharudin berkata, pihaknya juga telah memberikan latihan kepada mentor dan khidmat nasihat atau konsultansi dalam kalangan mentor melalui Kursus '*Be An Effective Coach And Mentor With NLP Techniques*' yang dikendalikan Prof. Madya Dr. Hisham Dzakiria.

Menurutnya, pihak universiti berhasrat untuk menjadikan Program Pementoran itu sebagai salah satu syarat sah dalam perkhidmatan yang mana laporan program akan dibawa sebagai pertimbangan untuk pengesahan jawatan.

Katanya, Program Pementoran tersebut berjalan untuk tempoh enam bulan dari April hingga Oktober depan dan laporan lengkap akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) November kelak.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.